

# Kurang sukarelawan menjual... kalendar Islam diberi percuma

11 Jan 2015

NUR ARDILLAH ZULKIFLI

JIKA dulu sesetengah badan Melayu/Islam mengumpul derma melalui hasil penjualan kalendar Islam, kekurangan tenaga sukarelawan untuk menjualnya kini merupakan satu sebab mereka tidak lagi berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, badan-badan Melayu/Islam yang dihubungi Berita Minggu masih tetap mencetak kalendar Islam, namun kali ini, diedarkan secara percuma.

Bahkan, kalendar itu dihantar melalui pos kepada penderma tetap dan ahli badan organisasi mereka.

"Kami menghadapi cabaran untuk mendapatkan sukarelawan menjual kalendar (bagi mengumpul derma)," kata Pengurus Perhubungan Awam dan Sumber Rumah Kebajikan Muhammadiyah (RKM), Cik Rubiah Abdul Latip.

Menurut beliau, sebanyak 15,000 kalendar diedarkan kepada orang ramai termasuk jemaah masjid ketika sembahyang Jumaat yang memberikan derma apabila menerima kalender itu.

Oleh kerana kalendar Islam dijual di merata tempat dan dalam talian, badan Melayu/Islam seperti Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) menghadapi cabaran menjual kalendar sebelum mengambil keputusan untuk mengedarkannya secara percuma setelah mendapati jualan kalendar Islam mereka merosot.

"Kami cuba mempergiatkan lagi kempen Ramadan. Kami juga berterima kasih kepada mereka yang menghulurkan zakat kepada Pergas dan telah menyokong kami sejak hari pertama lagi," kata Ketua Jabatan Perkhidmatan dan Komunikasi Korporat Pergas, Ustazah Nurdiana Hanim A. Rahman.

Bagi Angkatan Karyawan Islam (AMP) pula, mereka memberikan kalendar Islam kepada penderma atas sokongan dan sumbangan kepada usaha mereka.

Pegawai eksekutif pengumpulan dana AMP, Cik Norizan Noh, berkata:

"Kalendar kami popular sehingga beberapa penerima meminta salinan tambahan. Tahun ini, kami telah membahagikan lebih kurang 2,200 kalendar."

AMP telah memberikan kalendar kepada mereka yang membuat sumbangan untuk Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS), Dana Siap Ke Sekolah (RFS) dan zakat harta dan fidyah sejak 2010.

Bagi Pertapis pula, mereka sudah berhenti menjual kalendar pada harga \$10 setiap satu bagi tujuan mengumpul derma sejak 2005.

Namun, kalendar Islam dijadikan tanda cenderamata untuk merapatkan silaturahim dengan penderma tetap mereka.

Pengurus Komunikasi Korporat Pertapis, Encik Mohd Jufri Haron, berkata, "Ada yang menunggu kalendar Pertapis kerana mudah bagi mereka melihat waktu solat. Maklumat tentang Pertapis seperti nombor telefon dan alamat rumah kebajikan selain daripada fakta sejarah mengenai cendekiawan Islam disertakan dalam kalendar kami pada tahun ini."

Sebanyak 2500 kalendar meja dan dinding dibahagikan oleh Pertapis tahun ini.